

21 MAY 2003

PAKEJ-PASARAN SAHAM/I

SAHAM TEMPATAN SAKSI SEDIKIT PERUBAHAN DGN PAKEJ EKONOMI

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pasaran saham tempatan menyaksikan perubahan yang kecil berikutan pengumuman pakej ekonomi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Bagaimanapun, saham-saham perbankan terpilih menikmati peningkatan yang kukuh daripada pakej berkenaan melalui langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan kadar pinjaman sebanyak 50 mata asas.

Seorang penganalisis berkata langkah BNM itu dengan mengurangkan kadar berkenaan membantu saham-saham bank untuk kukuh hari ini.

Pengurangan kadar adalah lebih tinggi berbanding jangkaan terdahulu sebanyak 25 mata asas dan untuk pertama kali dalam dua tahun yang kerajaan mengurangkan kadar.

Pengurangan kadar juga dijangka membantu syarikat-syarikat berkaitan dengan industri pelancongan dan perhotelan, yang terjejas dengan teruk oleh pencerobohan Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Kerajaan hari ini mengumumkan pakej ekonomi bernilai RM7.3 bilion bagi menggalakkan pertumbuhan dalam ekonomi, pasaran modal dan pasaran saham.

Langkah berkenaan akan menyebabkan keyakinan dan minat pelabur berterusan di mana beberapa sektor tertentu akan menikmati pertumbuhan yang positif.

Pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Datuk Mohd Azlan Hashim berkata langkah untuk menggalakkan lebih banyak syarikat asing disenaraikan di BSKL yang akan menyumbang kepada keluasan BSKL dan terus menawarkan peluang bagi pelabur menyertai dalam pertumbuhan ekonomi tempatan.

"Kesan utama dalam langkah ini ialah menggalakkan minat yang mendalam dan penyertaan langsung oleh pelabur di BSKL," katanya.

BSKL menawarkan satu daripada pilihan berbeza pelaburan dalam 876 syarikat dalam 14 sektor.

Mohd Azlan berkata ini akan terus meningkatkan profil dan menaikkan portfolio sekuriti disenaraikan di BSKL yang dipantau oleh pengurus dana.

-- BERNAMA

FAY KTC NHD